

25/10/2003

Usaha bangunkan negara berterusan

GEORGETOWN: Usaha membangunkan negara mesti diteruskan kerana ia adalah perjuangan yang tidak ada noktah, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, ia terbukti dengan kesungguhan dan kecemerlangan kepemimpinan pemimpin terdahulu, termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

"Kita bukan cakap sombong tetapi kata-kata mereka itu tentunya amat memberangsangkan.

"Ia juga membuktikan bahawa pembangunan negara sentiasa pada landasan yang terbaik kerana digerakkan pemimpin yang berkeupayaan tinggi," katanya

pada perasmian seminar kepemimpinan pengguna dan Persidangan Agung Perwakilan ke-29 Kesatuan Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia, di Hotel

Equatorial, di sini semalam.

Hadir sama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan

Sri Muhyiddin Yassin; Yang di-Pertua Kesatuan Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia, Nordin Iskandar dan Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Dr Loh Hock

Hun.

Sejumlah 300 penghulu dan penggawa menerima kad kuasa daripada Abdullah

yang bertujuan mempertingkatkan perkhidmatan mereka membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melaksanakan tugas utama melindungi hak pengguna.

Sementara itu, Muhyiddin mengingatkan semua penggawa dan penghulu mengenai fungsi menjadi tenaga pembantu kementerian, terutama dalam menjejaki peniaga yang tidak mematuhi undang-undang.

Beliau juga berkata, kebanyakan daripada 5,000 kes yang dikemukakan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna sudah diselesaikan.

Ini, katanya adalah bukti bahawa peniaga tidak boleh bersikap sewenang-

wenangnya terhadap pengguna kerana kerajaan sentiasa peka terhadap kepentingan pengguna.